

20 JAN 1996

Mahathir-Rahim

PM SERAH KEPADA RAHIM BUAT KEPUTUSAN

BANTING, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik untuk membuat keputusan sama ada menerima atau menolak jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO seperti yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi (MT) parti itu pada 16 Jan lepas.

Perdana Menteri berkata, semalam Rahim meminta nasihatnya berhubung perkara itu tetapi beliau hanya menyatakan pandangan dan pendirian MT pada mesyuarat yang lalu.

"Kalau dia pilih untuk itu (kembali memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO), kita terima. Semua orang pun patut terima tetapi pada akhirnya dia jugalah yang membuat pilihan walaupun dia tanya saya," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis "Pemimpin ke Desa" di Kampung Endah, Kuala Langat, Selangor, hari ini.

Semalam, Rahim mengunjungi Dr Mahathir di Sri Perdana berhubung keputusan MT bahawa bekas Ketua Menteri Melaka itu berhak kembali memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Dr Mahathir berkata, dalam pertemuan singkat itu, Rahim tidak membuat sebarang keputusan kerana mahu mendapatkan pandangan beberapa pihak lagi.

Perdana Menteri berkata, usaha Rahim mendapatkan pandangan pelbagai pihak sebelum membuat keputusan merupakan pendekatan yang sesuai dengan ketertiban parti.

Katanya, mengikut disiplin UMNO, seseorang anggota tidak boleh mengetepikan pandangan anggota lain walaupun dia mempunyai hak terhadap sesuatu perkara.

Ketika ditanya gambaran yang boleh beliau berikan hasil pertemuan singkat itu, Perdana Menteri berkata : "Saya tak tahulah. Setakat ini dia tak kata dia tak hendak. Mungkin dia hendak jadi. Itu terpulang kepada dialah."

Apabila ditanya sama ada beliau akan kecewa jika Rahim menolak keputusan MT, Dr Mahathir berkata, perkara itu tiada kena mengena dengan perasaannya.

Dr Mahathir juga berkata, sepanjang pengetahuan beliau keputusan menerima pengunduran Rahim buat sementara waktu sehingga segala masalahnya selesai hanya tercatat dalam minit mesyuarat MT pada 8 Sept 1994.

Mengenai penawaran diri beberapa pemimpin UMNO untuk bertanding pada pemilihan parti tahun ini, Dr Mahathir berkata, agak terlalu awal untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun, beliau berkata, pemimpin-pemimpin itu sudah berjanji tidak akan menghabiskan masa untuk berkempen.

"Saya harap pihak akhbar juga beri kerjasama agar tak usah tolong kempen untuk sesiapa," katanya.

Setakat ini, enam pemimpin, termasuk tiga penyandang, sudah mengumumkan untuk merebut tiga jawatan Naib Presiden UMNO.

Tiga penyandang itu ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib manakala yang lain ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Turut mendapat perhatian ialah jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO. Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Anggota Parlimen Bagan Datoh Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad sudah menunjukkan minat untuk bertanding.

Bagi jawatan anggota MT pula, antara yang mengumumkan untuk bertanding ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Naib Ketua Pemuda UMNO Sabah Mohd Samlih Daisin semalam yang menolak cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah, Perdana Menteri berkata, pendirian rasmi UMNO dan Barisan Nasional (BN) dalam soal itu jelas bahawa ia berpegang kepada janji yang dibuat semasa kempen pilihan raya negeri Sabah pada 1994 melainkan jika BN negeri sepakat menolaknya.

Katanya, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, sudah melaporkan kepada beliau hasil mesyuarat pemimpin komponen BN Sabah mengenai perkara itu baru-baru ini.

Dr Mahathir enggan menyatakan isi laporan itu tetapi, katanya, beliau bersedia mendengar pandangan pihak-pihak lain.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat mahu soal penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diserahkan kepada Majlis Tertinggi UMNO untuk membuat keputusan serta kebijaksanaan Dr Mahathir.

"Apa yang perlu bagi UMNO Sabah ialah untuk menguatkan kedudukannya pada setiap masa supaya kita boleh berkuasa pada bila-bila masa. Mereka mesti ingat UMNO Sabah tidak menang mutlak dalam pilihan raya Sabah, walaupun UMNO Sabah menang 18 kerusi tetapi mereka tidak dapat membentuk kerajaan," katanya.

Mohamed, yang juga Setiausaha Agung UMNO, mengingatkan kalau UMNO Sabah mahu terus berkuasa, ia harus menguatkan kedudukannya supaya keyakinan rakyat terhadap UMNO terus meningkat dan UMNO boleh berkuasa secara mutlak pada masa akan datang.

"Tak payahlah kita persoalkan masalah penggiliran ini kerana ia telah diputuskan oleh Majlis Tertinggi," katanya.

Beliau percaya perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat MT UMNO yang akan datang. -- BERNAMA